

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan ketika ini Kementerian telah membenarkan penubuhan Syarikat Koridor Utiliti di negeri-negeri "sebagai penghubung di antara Majlis Daerah dengan swasta". Langkah ini sedikit sebanyak telah membebankan pemaju-pemaju kerana mereka mengenakan bayaran perkhidmatan yang agak tinggi sedangkan untuk mendapatkan kelulusan, pemaju-pemaju terpaksa membuat perkiraan sendiri dan tidak membantu kepada pemaju-pemaju perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya objektif penubuhan syarikat koridor utiliti di negeri-negeri adalah bertujuan untuk menyelaraskan penyediaan kemudahan utiliti dan lebih bersistematik, terancang, menyeluruh dan memenuhi keperluan pengguna bagi menyokong aktiviti ekonomi untuk lebih berdaya saing. Syarikat-syarikat ini ditubuhkan atau dilantik mengikut bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tidak melibatkan kawal seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

2. Manakala dari aspek perundangan sebagaimana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), tiada peruntukan kuasa diberi kepada syarikat-syarikat untuk memberi kelulusan dan mengenakan bayaran terutama dalam penyelenggaraan rizab-rizab awam seperti jalan, kawasan lapang, parit dan lain-lain. Segala bentuk bayaran yang dikenakan oleh syarikat koridor utiliti tidak mempunyai kaitan dengan kelulusan yang dikeluarkan oleh PBT. Selain itu, pihak KPKT juga tidak mempunyai kuasa sama ada untuk menggalakkan atau menghalang mana-mana pemaju dari menggunakan perkhidmatan syarikat koridor utiliti di negeri-negeri yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, beberapa Kerajaan Negeri yang dikenal pasti menubuhkan syarikat koridor utiliti ialah:

- (a) Negeri Melaka melalui penubuhan Bahagian Koridor Infrastruktur & Impak Sosial (BKI);
- (b) Negeri Pahang melalui penubuhan syarikat Koridor Utiliti Pahang; dan
- (c) Negeri Johor melalui penubuhan Koridor Utiliti (Johor) Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.